

21/06/1997

Pembersihan rasuah di Sabah

APAKAH maksud sebenarnya Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila beliau menyatakan di Sandakan kelmarin bahawa kerajaan bertekad mengubah `budaya lama politik Sabah' sekalipun menghadapi risiko pemimpin negeri itu meninggalkan parti?

Kerajaan sedia menghadapi risiko itu, tegas Anwar, kerana tekadnya membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan pemimpin. Anwar menegaskan pendirian tegas kerajaan untuk memberikan isyarat yang jelas kepada pemimpin seperti itu supaya jangan menyangka kerana mereka sangat popular mereka boleh mengugut kerajaan jika tindakan diambil ke atas mereka.

Kata Anwar: "Sebenarnya, kita yakin boleh mengumpulkan sokongan yang secukupnya jika kita meneruskan tindakan seumpama ini."

Tetapi apakah gerangannya `budaya politik' Sabah? Jika kita mengikuti politik Sabah kita mengerti, satu daripadanya ialah seseorang pemimpin Sabah mudah `melompat' daripada partinya kepada parti lain.

Biasanya gejala itu didorong oleh hasrat untuk mencari kedudukan lebih kukuh tetapi jarang disebabkan keyakinan, kepercayaan dan pegangan politik.

Allahyarham Tun Mustapha Datu Harun pada akhir hayatnya pernah membuat kenyataan yang terus terang dalam Utusan Malaysia mengenai satu kelemahan orang politik di Sabah. Kenyataan melahirkan rasa kesal Allahyarham bahawa beliau bertanggungjawab mengajar orang di Sabah mementingkan wang dalam politik.

Kenyataan yang berani dan terus-terang itu dibuat oleh Allahyarham ketika kerjaya politiknya sedang surut dan menurun.

Kenyataan Anwar di Sandakan kelmarin tidak saja terus-terang menghuraikan apakah sebenarnya `budaya politik' Sabah tetapi kita boleh mengerti maksudnya kerana kenyataan itu dibuat ada hubungan dengan amarannya mengenai tekad kerajaan untuk bertindak tegas ke atas pemimpin yang rasuah di negeri itu sekalipun mereka `popular'.

Apa yang dapat kita fahami daripada kenyataan Pemangku Perdana Menteri itu ialah gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa agak serius di Sabah dan ia memerlukan amaran yang begitu tegas daripada Anwar sendiri.

Anwar tidak menjuruskan amarannya kepada mana-mana pemimpin tertentu. Beliau memberitahu media bahawa dalam pertemuan dengan pemimpin kerajaan negeri dan parti, beliau menekankan perlunya membanteras gejala rasuah. Peringatannya itu sama dengan amarannya kepada pemimpin serta pegawai kerajaan di Semenanjung, iaitu masa untuk memberi amaran telah luput. "Sekarang masa untuk bertindak, saya pun meminta kerjasama kerajaan negeri dan parti," kata beliau.

Tetapi amarannya cukup jelas. Ada beberapa kelemahan dalam mekanisme kerajaan, katanya yang harus diperbaiki. Peraturan kewangan dan prosedur memberikan kontrak mesti dipatuhi, dia menambah. Dan Anwar mengingatkan seterusnya: "Kita tidak mahu budaya politik masa lampau di Sabah dengan pemimpinnya mengumpulkan kekayaan sementara rakyat terabai."

Anwar mahu satu perubahan yang radikal dengan pemimpin melaksanakan tanggungjawab mereka. Kehadiran Umno di Sabah, kata Anwar, ialah untuk memperjuangkan nasib rakyat bukan menjadikan segelintir pemimpin Sabah kaya raya.

"Itulah sebabnya kita tidak mahu ada orang memonopoli semua projek yang besar untuk diri mereka, untuk keluarga mereka dan untuk sahabat mereka,"

tegasnya.

Sebenarnya jika diteliti mesej Anwar kepada pemimpin kerajaan dan Umno di Sabah kelmarin tidak banyak berbeza dengan kenyataannya di Semenanjung mengenai gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ciri yang agak baru daripada mesejnya di Sabah ialah dia membayangkan ada pemimpin yang menyangka mereka begitu popular hingga yakin tidak akan diambil tindakan oleh kerajaan kerana kesalahan mereka. Kepada mereka Anwar mengingatkan bahawa kerajaan sanggup menghadapi risiko mereka melompat kepada parti lain kerana yakin tindakan itu akan disokong rakyat.

Ada baiknya ingatan itu tidak dianggap ringan oleh pihak terbabit kerana sebagaimana yang dibuktikan di Semenanjung, kerajaan tidak memilih bulu dalam tindakannya mencegah rasuah dan salah guna kuasa.

Kita dapat melihat betapa Anwar sebagaimana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini tidak bosan memperkatakan gejala rasuah. Tidak sekadar memperkatakan gejala itu tetapi juga menyusul amaran dengan tindakan. Apa yang jelas sekarang adalah kempen atau `peperangan' terhadap gejala rasuah bukan satu helah mencari populariti politik melainkan ia adalah satu dasar kepemimpinan kerajaan dan parti. Dan ia mendapat sokongan penuh daripada rakyat dan inilah yang memberi keyakinan kepada kerajaan bertindak tegas tanpa memilih bulu dan menghadapi risiko atas tindakannya itu.

Tan Sri Muhammad Muhd Taib secara sukarela melepaskan jawatan Menteri Besar kerana tidak mahu imej parti dan kerajaan terjejas. Dua orang tokoh Wanita Umno diambil tindakan disiplin baru-baru ini. Ketika pemilihan Umno, beberapa pemimpin dikenakan tindakan disiplin kerana melanggar peraturan parti. Ini menunjukkan budaya patuh kepada tindakan parti tertanam kuat dalam diri mereka. Agaknya di Sabah juga perlu ditanam budaya seperti ini.

(END)